

# Industri nanas terus diperkasa

Pelbagai program dilaksana untuk melahirkan lebih ramai agropreneur muda

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Industri pengeluaran nanas negara terus diperkasa menerusi usaha menarik lebih ramai agropreneur muda terlibat dalam penanaman nanas yang kini dikategorikan sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) memainkan peranan dalam melaksanakan program tanaman melibatkan golongan muda yang juga pemangkin kepada sektor pertanian negara.

Menurutnya, antara program LPNM yang berjaya menarik minat golongan muda ialah Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) yang diba-

ngunkan di Tanah Abang Mersing, Stesen Nanas Alor Bukit Pontian dan Stesen Nanas Sungai Tong Terengganu.

“Sekiranya kita ingin melihat anak-anak muda sama ada lepasan sekolah atau lepasan universiti yang berminat dalam bidang pertanian, penanaman nanas adalah paling sesuai diceburi.

“Kerajaan menyediakan dana di bawah program agropreneur muda melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional dan pinjaman mikro Kredit yang dikendalikan di bawah Agrobank,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri taklimat industri nanas di ibu pejabat LPNM di Wisma Nanas di sini kelmarin.

Hadir sama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Zainal Azman Abu Seman; Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Samsolbari Jamali; Pengerusi LPNM, Datuk Dr Sahrudin Jamal dan Ketua Pengarah LPNM, Ru-



Ronald (duduk, dua dari kiri) menaman nanas sebagai simbolik perasmian Melita Hut.

haida Mashhor.

Ronald berkata, Johor merupakan negeri terbesar tanaman nanas iaitu seluas 9,700 hektar dan merupakan perintis kepada penanaman nanas varieti MD2 di negara ini.

Katanya, keluasan tanaman nanas itu merangkumi 58 peratus bagi keseluruhan kawasan tanaman nanas negara seluas 16,650 hektar.

“Eksport pengeluaran nanas negara pada tahun lepas

sebanyak RM491 juta, meningkat sebanyak 60 peratus daripada RM343 juta pada tahun 2018.

“Malaysia dalam kedudukan ke-19 dunia dari segi pengeluaran buah nanas. Antara negara utama yang dieksport adalah Singapura, Mesir, UAE, China, Jepun dan Arab Saudi,” katanya.

Beliau berkata, apabila melihat pandemik coronavirus (Covid-19) yang hampir reda,

kementerian menjangkakan eksport produk bahan makanan meningkat berikutan import mahupun eksport bahan makanan itu tidak menunjukkan perubahan yang ketara.

Atas dasar keprihatinan kerajaan, katanya, peruntukan tambahan di bawah Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) sebanyak RM13.6 juta telah disalurkan kepada LPNM bagi merangsang pertumbuhan sektor industri nanas di sepanjang rantaian nilai terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil.

Pada program *walkabout* kelmarin, Ronald turut melawat Kulim Pineapple Farm (KPF) di Ulu Tiram bagi melihat aktiviti yang dijalankan iaitu penanaman, pemasaran, pengeksportan dan pembangunan industri hiliran nanas.

Ketika lawatannya, Ronald turut menyaksikan aktiviti membaja nanas menggunakan *boom sprayer* di ladang berkenaan.

Beliau juga menanam nanas MD2 sebagai simbolik lawatan, merasmikan kios Melita Hut dan menyaksikan proses pengumpulan nanas.



Aktiviti membaja nanas menggunakan boom sprayer di Kulim Pineapple Farm, Ulu Tiram.



Ronald (kiri) melihat proses pembungkusan nanas di Pusat Pengumpulan, Pemrosesan dan Pembungkusan KPF.

## KPF mengorak langkah ke arah global gap tembusi pasaran Eropah

KPF mengeksport sebanyak 122 tan nanas varieti MD2 di tiga negara setakat awal Januari tahun ini sehingga Mac lepas.

Pengurus Besar KPF, Mohamad Yami Bakar berkata, eksport ke negara China, Jepun dan Turki itu melibatkan tujuh kontena.

Katanya, KPF kini mengorak

langkah ke arah global gap bagi menembusi pasaran Eropah pada masa akan datang.

Menurutnya, pada masa sama KPF juga dijangka mengeluarkan sebanyak 5,800 tan buah nanas segar pada tahun ini.

“KPF muncul antara pengeluar terbesar nanas segar MD2 di Malay-

sia dan pada tahun ini dijangka akan mengeluarkan sebanyak 5,800 tan buah segar,” katanya.

Mohamad Yami berkata, KPF juga komited dalam meningkatkan pengeluarannya menerusi program penanaman minimum seluas lima hingga tujuh hektar setiap bulan yang telah bermula sejak awal tahun lepas.

Katanya, program berkenaan dijangka dapat menambah pengeluaran secara konsisten pada masa hadapan.

“Sehingga kini, terdapat 887 ekar tanaman nanas MD2 telah diusahakan secara komersial oleh KPF di Ulu Tiram dan Tanah Abang dekat Mersing,” katanya.